



eISSN 3032-601X & pISSN 3032-7105

Vol. 1, No. 3, 2024

MISTER

**Journal of Multidisciplinary Inquiry in Science,
Technology and Educational Research**

**Jurnal Penelitian Multidisiplin dalam Ilmu
Pengetahuan, Teknologi dan Pendidikan**

**UNIVERSITAS SERAMBI MEKKAH
KOTA BANDA ACEH**

mister@serambimekkah.ac.id

Journal of Multidisciplinary Inquiry in Science Technology
and Educational Research

Journal of MISTER

Vol. 1, No. 3, 2024

Pages: 263–274

Mengkaji Faktor dan Kesan Pendedahan Pornografi dalam Kalangan Pelajar Sekolah di Perlis yang Mengikuti Program Intervensi Tentang Bahaya Pornografi

Azrul Nizah bt. Yussof¹, Siti Nur Thazliah bt. Mohd Thazali², Surizan b. Romli³

^{1,2}Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,
Kedah, Malaysia

³Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia

Article in Journal of MISTER

Available at : <https://jurnal.serambimekkah.ac.id/index.php/mister>

DOI : <https://doi.org/10.32672/mister.v1i3.1263>

How to Cite this Article

APA : Azrul Nizah bt. Yussof, Siti Nur Thazliah bt. Mohd Thazali, & Surizan b. Romli. (2024). Mengkaji Faktor dan Kesan Pendedahan Pornografi dalam Kalangan Pelajar Sekolah di Perlis yang Mengikuti Program Intervensi Tentang Bahaya Pornografi. *MISTER: Journal of Multidisciplinary Inquiry in Science, Technology and Educational Research*, 1(3), 263 – 274. <https://doi.org/10.32672/mister.v1i3.1261>

Others Visit : <https://jurnal.serambimekkah.ac.id/index.php/mister>

MISTER: *Journal of Multidisciplinary Inquiry in Science, Technology and Educational Research* is a scholarly journal dedicated to the exploration and dissemination of innovative ideas, trends and research on the various topics include, but not limited to functional areas of Science, Technology, Education, Humanities, Economy, Art, Health and Medicine, Environment and Sustainability or Law and Ethics.

MISTER: *Journal of Multidisciplinary Inquiry in Science, Technology and Educational Research* is an open-access journal, and users are permitted to read, download, copy, search, or link to the full text of articles or use them for other lawful purposes. Articles on Journal of MISTER have been previewed and authenticated by the Authors before sending for publication. The Journal, Chief Editor, and the editorial board are not entitled or liable to either justify or responsible for inaccurate and misleading data if any. It is the sole responsibility of the Author concerned.



ISSN 3032-7105

ISSN 3032-601X



Mengkaji Faktor dan Kesan Pendedahan Pornografi dalam Kalangan Pelajar Sekolah di Perlis yang Mengikuti Program Intervensi Tentang Bahaya Pornografi

Azrul Nizah bt. Yussof¹, Siti Nur Thazliah bt. Mohd Thazali², Surizan b. Romli³

^{1,2}Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah, Malaysia

³Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia

E-mail: nizah@polimas.edu.my, thazliah@polimas.edu.my, surizanromli@ptss.edu.my

Received: 03 15, 2024 | Accepted: 04 23, 2024 | Published: 05 01, 2024

ABSTRACT

Malaysia boasts the highest number of IP addresses dedicated to uploading and downloading child pornography in Southeast Asia, as highlighted by Assistant Commissioner Ong Chin Lan during the "Cyber Protection for Children" seminar in 2018. This revelation spurred researchers to deliver intervention lectures on the perils of pornography across various schools in Perlis. In total, 1191 questionnaires were dispersed among students to explore the factors and impacts of their exposure to pornography and gauge their response to the lectures. Analysis of the questionnaire data using SPSS 2.2 software revealed that 80.6% of students were engaged with pornography, with 43.6% accessing it via the internet/pop-ups, 24.5% through television/movies, and the remainder from magazines/anime and smartphone applications. Most students admitted to consuming pornographic material alone, attributing their behavior to curiosity and arousal. Consequently, researchers emphasize the importance of proactive parental monitoring and advocate for schools to collaborate with relevant stakeholders in organizing additional intervention programs. Such initiatives aim to mitigate students' exposure to pornography and counteract its adverse effects effectively.

Keywords: Exposure of Pornography; Intervention Talk; Factors and Effects

INTRODUCTION

Perkembangan teknologi yang pesat menyaksikan bilangan kanak-kanak yang menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar dan komputer tablet meningkat secara drastik. Kemajuan teknologi sememangnya satu perkembangan yang positif, walau bagaimanapun penggunaan yang berlebihan, penyalahgunaan atau penggunaan teknologi tanpa pengawasan, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak akan mendatangkan lebih banyak mudarat daripada kebaikan.

Kajian yang dijalankan oleh Noor Azimah (2021) menunjukkan bahawa 75 peratus remaja Malaysia terlibat dengan pornografi. Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian tersebut tidak memberikan peratusan khusus mengenai penglibatan kanak-kanak atau remaja dari negeri Perlis. Ketiadaan penyelidikan mengenai tahap pendedahan, faktor penyumbang, dan kesan penglibatan kanak-kanak dan remaja di negeri Perlis menyebabkan isu pornografi ini tidak dianggap serius. Akibatnya, risiko peningkatan kes adalah tinggi kerana langkah-langkah pencegahan atau bantuan untuk mereka yang terlibat tidak dilaksanakan secara berkesan. Selain itu, pelajar-pelajar yang telah mendapat pendedahan tentang bahaya pornografi melalui ceramah intervensi di sekolah-sekolah memainkan peranan penting dalam situasi ini. Kajian terhadap kumpulan sasaran ini perlu dijalankan untuk menilai keberkesanan ceramah intervensi yang telah dijalankan dalam menangani isu ini. Langkah ini akan memberi sumbangan positif dalam pengembangan strategi pencegahan dan advokasi yang lebih berkesan kepada ibu bapa, pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis.

Kanak-kanak dan remaja mungkin terdedah kepada pornografi secara sengaja atau tidak sengaja. Seseorang mungkin secara tidak sengaja menjumpai pornografi apabila membuka mesej yang tidak diminta atau menerima e-mel spam (Leung & Chen, 2018), tersalah taip alamat laman web, mencari istilah yang mempunyai makna bukan seksual dan juga seksual (Flood, 2007) atau melihat imej dan iklan *pop-up* secara tidak sengaja. Bagi mereka yang sengaja pula akan membuat carian dengan aktif dalam talian bagi mendapatkan pornografi. Terdapat juga keadaan di mana tontonan yang tidak disengajakan membawa kepada yang disengajakan secara beransur-ansur. Emily et al. (2017) dalam kajiannya melaporkan maklumbalas daripada ibu bapa ke atas kanak-kanak yang berusia 12 tahun ke bawah yang didapati menonton pornografi, menunjukkan majoriti kanak-kanak (76%) melihat pornografi dalam talian, 13% dalam cetakan dan 10% di televisyen. Lebih membimbangkan, hampir satu perempat (24%) ibu bapa melaporkan bahawa perlakuan tersebut adalah disengajakan oleh anak-anak mereka

METHODS OF RESEARCH

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang mana menggunakan borang soal selidik bagi mengumpulkan data dari 1191 responden yang berusia 11 hingga 19 tahun. Maklum balas responden dianalisis menggunakan perisian SPSS. Populasi kajian terdiri dari pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di negeri Perlis yang mengikuti intervensi "Bahaya Pornografi dan Kesan Ketagihan Terhadap Sahsiah Pelajar". Pengkaji selaku Koordinator Malaysians Against Pornography (MAP) negeri Perlis, memilih sekolah-sekolah yang telah menjemput untuk menyampaikan ceramah intervensi. Ini dilakukan bagi mencapai objektif kajian ini iaitu mengenalpasti faktor dan kesan pendedahan pornografi dalam kalangan pelajar sekolah di Perlis serta mengenalpasti penerimaan mereka terhadap ceramah intervensi yang dijalankan. Sekolah yang terlibat termasuk MRSM Beseri, Sekolah Agama Islahiyah Menengah,

Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Budriah, Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis, Sekolah Rendah Kebangsaan Pauh, dan Auditorium Jabatan Kesihatan Negeri Perlis, tempat di mana ceramah intervensi dijalankan untuk 49 sekolah rendah di Perlis di bawah anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Perlis.

Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan mudah (Convenience Sampling), memilih responden dengan cara praktikal dan efektif melalui pengedaran borang soal selidik kepada semua pelajar di lokasi kajian. Pendekatan ini memungkinkan pengumpulan data yang cekap dengan melibatkan kumpulan sasaran yang telah hadir semasa ceramah intervensi. Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu maklumat demografi responden (Bahagian I), maklumat pendedahan pornografi, faktor serta kesannya (Bahagian II), dan maklumbalas terhadap ceramah intervensi (Bahagian III).

RESULT AND DISCUSSION

Analisis Data Demografi Responden

Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan data demografi responden. Analisis ke atas 1191 orang pelajar yang mengisi borang soal selidik yang diedarkan menunjukkan majoriti sampel kajian iaitu 76.8% adalah dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah manakala 23.2% adalah dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah. 33.2 % (396 responden) merupakan pelajar daripada Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Beseri diikuti Sekolah Agama Islahiyah Menengah sebanyak 20.9% (249 responden). Jumlah responden dari Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis pula melebihi 2 orang berbanding Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Budriah yang mana masing-masing mencatatkan 11.3% (134 orang) dan 11.4% (136 orang). Sebanyak 276 responden adalah pelajar sekolah rendah di mana 87 orang daripadanya merupakan pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan Pauh dan selebihnya adalah daripada 49 buah sekolah rendah sekitar Perlis.

Analisis statistik juga menunjukkan bahawa majoriti sampel kajian merupakan pelajar perempuan iaitu seramai 646 orang (56.7%) berbanding dengan sampel pelajar lelaki seramai 493 orang (43.3%). Bagi umur responden dalam kajian ini pula, analisis menunjukkan bahawa umur responden yang menjawab borang soal-selidik adalah dalam lingkungan 11 hingga 19 tahun. Responden yang berumur antara 14 hingga 16 mencatatkan peratusan yang paling tinggi berbanding dengan jumlah umur yang lain iaitu seramai 693 orang (60.9 %). Manakala, bagi responden yang dalam lingkungan antara 17 hingga 19 tahun mencatatkan jumlah paling rendah iaitu 15 orang (1.3%).

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kaum Melayu merupakan majoriti responden dalam kajian iaitu sebanyak 968 (86.8%) orang diikuti oleh kaum Cina sebanyak 8.2% atau 91 orang manakala kaum India memperoleh peratusan sebanyak 1.4% atau 16 orang. Bagi kaum lain – lain pula, adalah seramai 40 (3.6%) orang iaitu merangkumi kaum Siam. Selain itu, keputusan analisis menunjukkan bahawa majoriti responden adalah beragama Islam dengan peratusan tertinggi sebanyak 87.4%, 995 orang. Responden yang beragama Buddha pula seramai 133 orang (11.7%) manakala responden yang beragama Hindhu dan Kristian tidak mencatat jumlah yang banyak iaitu masing-masing hanya 9 orang (0.8%) dan 2 orang (0.2%) sahaja.

Jadual 1. Taburan Data Demografi Responden

			Kekerapan	Peratus	Peratus Sah
Sekolah	Sah	MRSM Beseri	396	33.2	33.2
		Sek. Agama Islahiyah (Menengah)	249	20.9	20.9
		SMK Perlis	134	11.3	11.3
		SMK Tengku Budriah	136	11.4	11.4
		SRK Pauh	87	7.3	7.3
		Lain-Lain (49 buah sekolah rendah)	189	15.9	15.9
	Jumlah		1191	100	100.0
Jantina	Sah	Lelaki	493	41.4	43.3
		Perempuan	646	54.2	56.7
	Jumlah		1139	95.6	100.0
	Hilang	Sistem	52	4.4	0
	Jumlah		1191	100	0
Umur	Sah	11-13 Tahun	428	36.0	37.7
		14-16 Tahun	693	58.2	60.9
		17-19 Tahun	15	1.3	1.3
	Jumlah		1137	95.5	100.0
	Hilang	Sistem	54	4.5	0
	Jumlah		1191	100	0
Bangsa	Sah	Melayu	968	81.3	86.8
		Cina	91	7.6	8.2
		India	16	1.3	1.4
		Lain-lain	40	3.4	3.6
	Jumlah		1115	93.6	100.0
	Hilang	Sistem	76	6.4	0
	Jumlah		1191	100	0
Agama	Sah	Islam	995	83.5	87.4
		Buddha	133	11.2	11.7
		Hindu	9	0.8	0.8
		Kristian	2	0.2	0.2
	Jumlah		1139	95.6	100.0
	Hilang	Sistem	52	4.4	0
	Jumlah		1191	100	0

Analisis Tahap Pendedahan Pelajar Terhadap Pornografi

Analisis soal selidik mendapati kanak-kanak seawal 11 tahun telah terdedah kepada pornografi. Jadual 2 di bawah merupakan hasil analisis ke atas 1191 sampel dan didapati 67.1% daripada responden (796 orang) mengakui bahawa mereka secara tidak sengaja terjumpa bahan pornografi manakala 13.8% (164 orang) mengakui bermula dengan tidak sengaja kemudiannya beransur-ansur menjadi sengaja. Sebanyak 226 responden (19%) menyatakan tidak pernah terdedah dengan apa-apa bahan pornografi manakala 5 responden lagi tidak menjawab. Hasil dapatan ini menunjukkan 80.9% daripada pelajar-pelajar terdedah dengan pornografi. Peratusan yang tinggi ini amat membimbangkan kerana kerana menurut Baxtor (2014), pornografi memberi kesan buruk kepada kanak-kanak dan belia. Ini disebabkan oleh neuron cermin dalam otak yang meyakinkan bahawa mereka sebenarnya mengalami apa yang mereka lihat. Sebahagian besar proses pembelajaran kanak-kanak adalah melalui peniruan dengan bantuan neuron cermin di mana

mereka akan memerhati dan meniru dengan tindakan mereka. Akibatnya, pornografi mungkin mempunyai kesan yang lebih kuat dalam kalangan kanak-kanak dan remaja berbanding bentuk media yang lain kerana ia menunjukkan tahap eksplisit seksual yang lebih tinggi.

Jadual 2. Data Pendedahan Pelajar Terhadap Pornografi

		Kekerapan	Peratus	Peratus Sah
Sah	Ya dengan tidak sengaja	796	66.8	67.1
	Ya dengan tidak sengaja, lama kelamaan menjadi sengaja	164	13.8	13.8
	Tidak pernah	226	19	19.1
Jumlah		1186	99.6	100.0
Hilang	Sistem	5	0.4	0
Jumlah		1191	100	0

Analisis Kekerapan Pendedahan Terhadap Pornografi Dalam Sebulan

Analisis soal selidik bagi kekerapan pendedahan pelajar terhadap pornografi dalam sebulan ditunjukkan pada Jadual 3. Seramai 236 orang responden didapati tidak menjawab soalan kerana 226 daripada mereka tidak terlibat manakala 10 responden lagi tidak diketahui alasannya. Berdasarkan 955 responden yang menjawab, 70.6% (674 responden) mendakwa mereka hanya terlibat menonton atau membaca pornografi sekali sahaja dalam sebulan manakala 29.4% (281 responden) lagi melakukannya berulang kali dalam sebulan. Hasil dapatan ini membuktikan 80.2% daripada pelajar-pelajar ini bukan sahaja terdedah dengan pornografi malah terlibat secara berterusan setiap bulan. Baxtor (2014), dalam artikelnya menyebutkan penggunaan pornografi secara berterusan menimbulkan risiko ketagihan kepada kanak-kanak dan remaja di mana pengguna tidak dapat mengawal keinginan untuk terlibat dengan imej atau video eksplisit seksual walaupun terdapat masalah yang disebabkan oleh tingkah laku pada fungsi sosial atau psikologi. Apabila seseorang menjadi ketagih kepada sesuatu, ia mungkin akan menghabiskan sebahagian besar masa mereka dan juga boleh menjejaskan kehidupan di mana mereka akan mengalami kesukaran menumpukan perhatian dalam pelajaran, suka menyendiri, hilang keyakinan diri dan mempunyai sikap, nilai serta perilaku yang negatif (Galih & Nurliana, 2020).

Jadual 3. Data Kekerapan Pendedahan Pelajar Terhadap Pornografi

		Kekerapan	Peratus	Peratus Sah
Sah	Sekali	674	56.6	70.6
	Berulang kali	281	23.6	29.4
	Jumlah	955	80.2	100
Hilang	Sistem	236	19.8	0
Jumlah		1191	100	0

Analisis Faktor Eksternal Yang Menyebabkan Pelajar Terdedah Kepada Pornografi

Teknologi dan media massa telah dikenalpasti sebagai faktor yang menyumbang kepada pendedahan pelajar terhadap pornografi. Merujuk kepada Jadual 4, didapati 43.6% (586 responden) mengaku memperoleh pornografi daripada internet/*pop-up* diikuti televisyen/filem sebanyak 24.5% (330

responden). Manakala 16.6% (223 responden) pula memperolehinya daripada majalah/anime dan 15.3% pelajar (206 responden) adalah daripada aplikasi yang dipasang pada telefon pintar. Portal Malaysia Cyber Consumer Association (MCCA) bertarikh 6 September 2022 melaporkan sebanyak 106,764 alamat Protokol Internet (IP) yang berdaftar di Malaysia telah dikenalpasti terbabit dalam pornografi kanak-kanak. Tidak hairanlah apabila hasil dapatan ini menunjukkan internet/*pop-up* mencatatkan peratusan tertinggi yang menyebabkan pelajar-pelajar terjebak dengan pornografi. Hal ini kerana mereka sentiasa menggunakan internet saban hari untuk menyiapkan tugas sekolah, mengikuti kelas tambahan atau tutorial secara atas talian selain untuk tujuan berhibur dan sebagainya namun tanpa disedari mereka telah diekspoitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Jadual 4. Data Faktor Eksternal Pelajar Terdedah Dengan Pornografi

		Kekerapan	Peratus	Peratus Sah
Sah	TV/Filem	330	27.7	24.5
	Internet/ <i>pop-up</i>	586	49.2	43.6
	Majalah/Anime	223	18.7	16.6
	Aplikasi Telefon Pintar	206	17.3	15.3
Jumlah		1345	112.9	100.0

Analisis Faktor Internal Yang Menyebabkan Pelajar Terdedah Kepada Pornografi

Jadual 5 merupakan hasil analisis bagi faktor internal pelajar terlibat dengan pornografi. Hasil analisis mendapati 70.6% (740 responden) adalah atas kehendak sendiri tanpa dipengaruhi orang lain, 57.7% (586 responden) pula menyatakan mereka didorong oleh rasa ingin tahu manakala 22% (223 responden) mengakui mereka terangsang dan 20.3% (206 responden) lagi mengakui perasaan seronok menjadikan mereka terdorong untuk mendapatkan pornografi.

Jadual 5. Data Faktor Internal Pelajar Terdedah Dengan Pornografi

		Kekerapan	Peratus	Peratus Sah
Sah	Diri sendiri	740	62.1	42.2
	Ingin tahu	586	49.2	33.4
	Terangsang	223	18.7	12.7
	Seronok	206	17.3	11.7
Jumlah		1755	147.4	100.0

Analisis Faktor Sistem Yang Menyebabkan Pelajar Terdedah Kepada Pornografi

Rakan, keluarga dan juga kenalan-kenalan lain dikategorikan sebagai faktor sistem yang turut menyumbang kepada penglibatan pelajar-pelajar dengan pornografi. Jadual 6 menunjukkan sebanyak 64% (197 responden) mengakui terpengaruh dengan rakan. 33.8% (104 responden) menyatakan dengan saudara dan 2.3% (7 responden) lagi menyatakan individu lain seperti rakan kepada saudara malah amat mengejutkan apabila ibu dan bapa juga turut disenaraikan.

Jadual 6. Data Faktor Sistem Pelajar Terdedah Dengan Pornografi

		Kekerapan	Peratus	Peratus Sah
Sah	Rakan	197	16.5	64.0
	Saudara	104	8.7	33.8
	Lain-lain	7	0.6	2.3
Jumlah		308	25.9	100.0

Analisis ke atas Faktor Internal dan Eksternal ini dibuat berdasarkan penjelasan Thanuseeyah dan Hilwa (2020) di mana Faktor Internal adalah merujuk kepada keadaan dalam diri seseorang yang mungkin mendorong keinginan untuk mengetahui, serta adanya daya tarikan yang menyebabkan individu tersebut terjerumus dalam perilaku menonton pornografi hingga boleh mencapai tahap ketagihan. Faktor Eksternal pula merangkumi pengaruh persekitaran dan juga kemajuan teknologi. Tidak menghairankan apabila kebanyakan remaja kini didapati terjebak dengan pornografi disebabkan oleh kemudahan teknologi yang membolehkan mereka berkongsi dan menyimpan video, gambar, dan tulisan berunsur pornografi tanpa dikesan oleh sesiapa. Manakala bagi Faktor Sistem, pengkaji telah merujuk kepada Galih dan Nurliana (2020) yang menyatakan peranan keluarga, sekolah, dan masyarakat sebagai faktor-faktor yang memberikan rangsangan dan pembentukan terhadap perilaku seseorang.

Analisis Kesan Eksternal Akibat Pendedahan Kepada Pornografi

Jadual 7 di bawah menunjukkan analisis dapatan bagi maklum balas berkaitan tingkah laku atau aktiviti sosial yang negatif bersama pasangan dalam kalangan pelajar yang terdedah dengan pornografi. 464 responden tidak memberikan maklum balas. 64.2% atau seramai 467 responden mengakui bahawa mereka berpegangan tangan dengan jantina yang berlainan. Ini mungkin kedengaran tidak berbahaya tetapi ia juga ditakrifkan sebagai tindakan keintiman fizikal. Toni Coleman, seorang psikoterapis dan jurulatih perhubungan di Washington DC, melihat berpegangan tangan sebagai tindakan intim yang boleh menimbulkan perasaan positif antara satu sama lain di mana kedua-dua pihak akan berasa seksi dan dikehendaki (Migala, 2023). Terdapat pandangan yang berbeza mengenai berpegangan tangan terutamanya dalam era liberal tetapi tidak dapat dinafikan bahawa ia bukanlah satu "perbuatan tidak bersalah" yang mutlak kerana terdapat banyak kes menunjukkan bahawa tindakan sedemikian berfungsi sebagai tanda mengesahkan hubungan intim seseorang atau persetujuan hubungan fizikal. Bagi kanak-kanak dan remaja yang kurang pengetahuan tentang keintiman dan pendidikan seksual, tindakan 'hanya' berpegangan tangan boleh menjerumuskan mereka ke tahap tingkah laku intim yang lain. Peratusan kedua tertinggi adalah sebanyak 17.5% iaitu seramai 127 responden telah berkongsi gambar alat sulit mereka dengan orang lain manakala 11.9% (87 responden) menyatakan mereka memeluk pasangan. Walaupun hanya 3.6% (26 responden) menyatakan mereka telah melakukan hubungan seksual bersama pasangan namun perkara ini harus dipandang serius. Ini kerana selain daripada risiko kehamilan sebelum perkahwinan, pengguguran haram, penyakit kelamin dan masalah sosial lain, seseorang juga mungkin menghadapi masalah undang-undang. Menurut perundangan di Malaysia, rogol berkanun di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan membawa hukuman penjara sehingga 30 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan jika seorang lelaki melakukan hubungan seks dengan seorang gadis di bawah umur 18 tahun, samada dengan atau tanpa kebenarannya.

Jadual 7. Data Tingkah Laku Sosial Negatif Bersama Pasangan

		Kekerapan	Peratus	Peratus Sah
Sah	Pegang tangan	467	39.2	64.2
	Bercium	20	1.7	2.8
	Berpelukan	87	7.3	11.9
	Bersetubuh	26	2.2	3.6
	Hantar gambar alat sulit sendiri kepada orang lain	127	10.7	17.5
Jumlah		727	61.1	100.0

Analisis Kesan Internal Akibat Tingkah Laku Sosial Negatif Bersama Pasangan yang Berpunca daripada Pendedahan Pornografi

Jadual 8 di bawah menunjukkan bahawa 51.8% (383 responden) merasa bersalah atau menyesal selepas menonton atau membaca pornografi, 34.1% (252 responden) tidak merasa apa-apa, 9.6% (71 responden) menyatakan ingin tahu atau seronok manakala 4.5% (33 responden) lagi mengakui bahawa mereka merasa terangsang dan ingin mengulangnya. Apabila remaja mula terlibat dengan ketagihan pornografi, mereka terdorong untuk melakukan perbuatan tidak bermoral dan melampaui batas-batas pergaulan sosial seperti berpegangan tangan antara lelaki dengan perempuan, bercium, meraba, mendedahkan tubuh di khalayak dan terjebak dengan hubungan. Hal ini disebabkan perasaan ingin tahu yang tinggi dan tidak lagi dapat membuat keputusan yang betul tentang buruk dan baik (Amirul & Nooraini 2020).

Jadual 8. Data Kesan Internal Akibat Tingkah Laku Sosial Negatif Bersama Pasangan

		Kekerapan	Peratus	Peratus Sah
Sah	Bersalah/Menyesal	383	32.2	51.8
	Tidak merasa apa-apa	252	21.2	34.1
	Ingin tahu/Seronok	71	6	9.6
	Terangsang dan ingin mengulangi	33	2.8	4.5
Jumlah		739	62.2	100.0

Analisis Penerimaan Terhadap Ceramah Intervensi Tentang Bahaya Pornografi

Analisis penerimaan responden terhadap ceramah intervensi bertajuk "Bahaya Pornografi dan Kesan Ketagihan Terhadap Sahsiah Pelajar" boleh dirujuk pada Jadual 9. Majoriti responden memberikan maklum balas yang positif. 88.7% (1056 responden) menyatakan mereka telah mempelajari sesuatu yang berguna daripada ceramah tersebut, menunjukkan bahawa ceramah tersebut memberikan input yang bernilai kepada pelajar. Selain itu, 87.6% (1043 responden) daripada responden menyokong untuk meneruskan ceramah seperti ini kepada generasi pelajar akan datang, menunjukkan sokongan terhadap keberkesanan program intervensi. Sebanyak 76.2% (907 responden) daripada responden menyatakan bahawa mereka memahami kesan penyalahgunaan media dan bahaya pornografi, menunjukkan pemahaman yang diperolehi oleh pelajar melalui ceramah tersebut. Lebih lanjut, 45.5% (542 responden) daripada responden mengakui bahawa ceramah memberi panduan, pengetahuan, dan pengajaran kepada

mereka, menunjukkan peranan penting ceramah dalam memberikan arahan dan pemahaman kepada pelajar. Selain itu, 61.8% (736 responden) daripada responden menyatakan hasrat untuk mengelakkan diri dari pornografi, zina, dan menjadi lebih berhati-hati, menunjukkan kesedaran dan komitmen untuk menghindari bahaya yang berkaitan dengan pornografi. Tambahan pula, 44.7% (532 responden) daripada responden menyatakan keinginan untuk memantapkan iman dengan mendalami agama dan menambahkan ilmu, menunjukkan kesan positif terhadap keinginan untuk meningkatkan pemahaman agama dan ilmu pengetahuan. Walau bagaimanapun, hanya 30.5% (63 responden) daripada responden menyatakan hasrat untuk menghentikan dan insaf serta berubah dan memperbaiki diri. Ini menunjukkan kesedaran dan keinginan untuk perubahan positif dalam diri pelajar masih perlu diperkukuhkan. Secara keseluruhan, data menunjukkan bahawa ceramah intervensi telah memberikan kesan positif dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman pelajar terhadap bahaya pornografi serta memberi dorongan kepada mereka untuk mengambil tindakan yang positif untuk mengelakkan dan mengatasi masalah tersebut.

Jadual 9. Data Penerimaan Terhadap Ceramah Intervensi

	Ya	Tidak	Hilang	Peratus
Mempelajari sesuatu yang berguna dari ceramah ini	1056	68	67	88.7
Mencadangkan ceramah seperti ini diteruskan kepada generasi pelajar akan datang	1043	108	40	87.6
Memahami kesan penyalahgunaan media dan bahaya pornografi	907	0	284	76.2
Memberi panduan, pengetahuan dan pengajaran	542	0	649	45.5
Mengelakkan diri dari pornografi, zina dan lebih berhati-hati	736	0	455	61.8
Mahu memantapkan iman dengan mendalami agama dan menambahkan ilmu	532	0	659	44.7
Menghentikan dan insaf serta berubah dan memperbaiki diri	363	0	828	30.5

CONCLUSION

Kajian ini telah mengkaji faktor dan kesan pendedahan pornografi dalam kalangan pelajar sekolah di negeri Perlis yang mengikuti program intervensi tentang bahaya pornografi. Hasil dapatan ini mungkin kurang tepat untuk menggambarkan populasi sebenar kerana kaedah persampelan mudah yang diaplikasikan tidak melibatkan sampel dari semua sekolah yang terdapat di negeri Perlis. Ini kerana tidak semua sekolah bersedia untuk mengadakan ceramah intervensi yang melibatkan pihak luar atas kekangan yang tertentu. Analisis data ke atas 1191 responden menunjukkan 76.8% adalah pelajar sekolah menengah, manakala 23.2% adalah daripada sekolah rendah. Ini kerana umur pelajar yang ingin dikaji adalah sekitar 11 hingga 19 tahun yang mana sebahagian besar daripada mereka berada di sekolah menengah. Majoriti responden adalah berbangsa Melayu iaitu 86.8% daripada sampel diikuti oleh 11.8% berbangsa Cina. Kajian juga mendapati majoriti responden adalah beragama Islam iaitu 87.4%. Kajian ini mendapati bahawa hanya sebahagian kecil daripada responden tidak terdedah kepada pornografi, sementara 960 orang pelajar mengakui terdedah dengan pornografi. Dapatan ini agak mengejutkan dan membimbangkan jika tidak ditangani dengan segera.

Tiga faktor utama telah dikenalpasti iaitu faktor eksternal, faktor internal dan faktor sistem. Faktor eksternal iaitu teknologi merupakan penyumbang tertinggi kepada pendedahan pornografi dalam kalangan pelajar sekolah di Perlis. Jelas bahawa penggunaan teknologi seperti internet dan aplikasi telefon pintar telah mendorong penggunaan pornografi secara drastik. Teknologi ini telah mengubah hubungan asas antara individu dan pornografi, membenarkan akses kepada bekalan bahan secara percuma dan dengan tidak berkesudahan. Tidak dinafikan bilangan pelajar yang terdedah melalui pendekatan tradisional seperti televisyen, filem, majalah atau anime tidak menunjukkan perbezaan yang besar, namun cara tersebut lebih mudah untuk dikesan oleh ibu bapa berbanding pendedahan pornografi dalam talian yang lebih sukar untuk dipantau. Pornografi dalam talian bukan sahaja membenarkan penyebaran pornografi secara global malah mudah diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja dengan adanya telefon pintar dan sambungan internet. Ketersediaan pornografi di internet di samping peningkatan minat seks dalam kalangan kanak-kanak dan remaja menimbulkan kebimbangan bahawa tontonan pornografi boleh menjadi berlebihan, malah ketagihan (Tsitsika et al., 2008; Ybarra & Mitchell, 2005).

Faktor internal seperti dorongan dari dalam diri pelajar turut memainkan peranan penting dalam fenomena ini. Ramai di antara mereka mengakui terdedah secara tidak sengaja dan menyesalnya, namun pada masa yang sama merasakan teruja, ingin tahu, terangsang, dan seronok sehingga mendorong mereka untuk mencari kandungan tersebut berulang kali secara bersendirian. Bagi faktor sistem pula, pengaruh rakan sebaya dikatakan paling mempengaruhi keterlibatan pelajar dengan pornografi. Ini kerana wujudnya interaksi sosial dalam kelompok rakan sebaya sehingga menyebabkan pelajar-pelajar terikut-ikut dengan sikap rakan-rakan mereka yang terlibat dalam aktiviti negatif bersama-sama. Maka tidak hairanlah jika rakan sebaya merupakan faktor utama yang mendorong pelajar untuk mula mengakses dan memberikan tekanan untuk melayari laman web pornografi (Thanuseeyah & Hilwa, 2020).

Kajian ini juga mendedahkan majoriti dalam kalangan pelajar yang kerap menonton atau membaca bahan pornografi dalam sebulan mengakui mereka terlibat dengan aktiviti sosial yang negatif seperti berpegangan tangan dengan pasangan dan sanggup berkongsi gambar alat sulit mereka dengan orang lain. Walaupun hanya sebahagian kecil terlibat dengan aktiviti berpelukan, bercium dan melakukan hubungan seks, namun tindakan tersebut membuktikan bahawa pendedahan yang kerap terhadap pornografi telah memberikan kesan eksternal yang negatif kepada diri pelajar. Kesan internal juga boleh dilihat apabila lebih separuh daripada pelajar merasa bersalah atau menyesal selepas melakukannya namun ramai juga menyatakan sebaliknya. Adalah normal bagi mereka yang melakukan kesalahan atau kejelikan merasa berdosa namun sangat mengejutkan apabila hampir separuh mengakui tidak merasai apa-apa dan sebahagian kecil lagi merasa terangsang dan ingin mengulangi perbuatan tersebut. Ini membuktikan bahawa kesan eksternal dan internal akibat pornografi ini telah berjaya mengubah pemikiran dan persepsi mereka seperti yang dinyatakan oleh David (2016), pendedahan yang kerap kepada pornografi turut menyumbang kepada sikap positif terhadap hubungan seksual tanpa ikatan seperti mana yang ditunjukkan oleh sesetengah remaja di mana mereka menjadikan aktiviti seksual sebagai sebahagian daripada perkembangan sosial mereka.

ACKNOWLEDGMENT

Pengkaji mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada sekolah-sekolah di negeri Perlis, Malaysia yang telah menjemput untuk menyampaikan ceramah intervensi tentang bahaya pronografi serta menjalankan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada Pertubuhan Malaysia Membanteras Pornografi atau lebih dikenali dengan nama *Malaysians Against Pornography (MAP)* yang telah bertungkus lumus melatih dan membimbing para sukarelawan serta membangunkan modul-modul intervensi bagi menentang pornografi di Malaysia secara serius.

REFERENCE

- Amirul Ashraaf Norman & Nooraini Othman. (2020). Ketagihan Pornografi dalam Kalangan Remaja: Faktor dan Implikasi Terhadap Sahsiah Diri Remaja. *Jurnal Melayu*, 19(2), 205.
- Baxter, A. (2014). *How Pornography Harms Children: The Advocate's Role*. (Artikel web). Diakses di <https://docplayer.net/81943233-How-pornography-harms-children-the-advocate-s-role-by-allison-baxter.html>.
- Budiyati, E. (2023). Pengaruh Konsep Diri Sebagai Prediktor Kesehatan Mental Mahasiswa. *LANCAH: Jurnal Inovasi Dan Tren*, 1(2), 233~238
- Emily F. Rothman, et al. (2018). *A Qualitative Study of what US Parents Says and Do When Their Young Children See Pornography*. (Artikel web). Diakses di https://www.researchgate.net/publication/316447516_A_Qualitative_Study_of_What_US_Parents_Say_and_Do_When_Their_Young_Children_See_Pornography
- Flood, Michael. (2009). *The Harms of Pornography Exposure among Children and Young People*. (Artikel web). Diakses di <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1002/car.1092>
- Galih Haidar, Nurliana Cipta Apsari. (2020). Pornografi pada Kalangan Remaja. *Prosiding Penelitian & Pengabdian Kepada Masyarakat*, 7(1), 136 – 143.
- Kabali, H. K., Irigoyen, M. M., Nunez-Davis, R., Budacki, J. G., Mohanty, S. H., Leister, K. P., & Bonner, R. L. (2015). *Exposure and Use of Mobile Media Devices by Young Children*. *Pediatrics*, 136(6), 1044–1050.
- Khotmi, N., & Dita Pebriana. (2023). Peran Regulasi Emosi Terhadap Kenakalan Remaja di Dasan Erot Kelurahan Kembang Sari. *LANCAH: Jurnal Inovasi Dan Tren*, 1(2), 164–168.
- Louis Leung, Cheng Chen. (2018). *A Review of Media Addiction Research From 1991 to 2016*. (Artikel web). Diakses di <https://journals.sagepub.com/doi/abs/10.1177/0894439318791770#tab-contributors>
- L. David Perry. (2016). *The Impact of Pornography on Children*. (Artikel web). Diakses di <https://iastate.pressbooks.pub/app/uploads/sites/29/2020/07/The-Impact-of-Pornography-on-Children.pdf>
- MCCA. (2022). Lebih 100,000 IP Berdaftar Di Malaysia Terbabit Pornografi Kanak-Kanak. (Artikel web). Diakses di cyberconsumer.my/lebih-100000-ip-berdaftar-di-malaysia-terbabit-pornografi-kanak-kanak
- Jessica Migala, Neydeline Mejia (2023). *If Your Partner Holds Your Hand with ~Two~ Hands, They're in It for the Long Haul. Women's Health*. (Artikel web). Diakses di www.womenshealthmag.com/relationships/a30243732/holding-hands/

- Noor Azimah Muhammad. (2023). 75 Peratus Remaja Malaysia Tonton Video dan Gambar Lucah. (Artikel web). Diakses di <https://www.ukm.my/beritaukm/75-peratus-remaja-malaysia-tonton-video-dan-gambar-lucah/>.
- Peter, J., & Valkenburg, P. M. (2008). *Adolescents' Exposure to Sexually Explicit Internet Material, Sexual Uncertainty, and Attitudes Toward Uncommitted Sexual Exploration*. *Communication Research*, 35(5), 579–601.
- Ybarra, Michele L., and Kimberly J. Mitchell. (2005). *Exposure to Internet Pornography among Children and Adolescents: A National Survey*. *Cyberpsychology & Behavior*, 8(5), 473–486.
- Thanuseeyah, Hilwa et al. (2020). Hubungan antara Ketagihan Pornografi dan Jenis Trait Personaliti dalam Kalangan Remaja. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1-9.
- Tsitsika, A., Critselis, E., Kormas, G., Filippopoulou, A., Tounissidou, D., Freskou, A., Spiliopoulou, T., Louizou, A., Konstantoulaki, E., & Kafetzis, D. (2008). *Internet Use and Misuse: A Multivariate Regression Analysis of the Predictive Factors of Internet Use Among Greek Adolescents*. *European Journal of Pediatrics*, 168(6), 655–665.
- Wright, P. J., & Donnerstein, E. I. (2014). *Sex Online: Pornography, Sexual Solicitation and Sexting*. *Adolescent Medicine: State of The Art Reviews*, 25(3), 574–589.